A

## PP lwn. WAN HALIM WAN HASSAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
AHMAD BACHE PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41LB-4-1-2014]
1 FEBRUARI 2016

B

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kanun Keseksaan – Seksyen 506 – Kesalahan melakukan ugutan jenayah dengan mengancam hendak mendatangkan kecederaan dan menyebabkan kebinasaan harta – Sama ada intipati pertuduhan berjaya dibuktikan – Sama ada tertuduh mengugut mana-mana orang – Sama ada ugutan*
C *mendatangkan bencana pada tubuh, nama baik atau harta orang yang diugut – Sama ada tertuduh melakukan ugutan dengan niat hendak menyebabkan kegentaran pada orang yang diugut – Sama ada kesan ugutan material*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Rayuan – Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan – Rayuan oleh pihak pendakwaan terhadap keputusan Mahkamah Majistret –*
D *Kesalahan melakukan ugutan jenayah dengan mengancam hendak mendatangkan cedera dan menyebabkan kebinasaan harta – Pembelaan alibi – Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan – Sama ada pembelaan alibi tertuduh berjaya membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan – Kanun Keseksaan, s. 506*

E

Responden dilihat berada di kawasan rumah pengadu ('SP2') sambil membawa minyak petrol dalam empat kejadian berasingan. Dalam satu daripada empat insiden tersebut, responden mencurah minyak petrol pada kenderaan, bawah rumah kayu SP2 serta sekitar halamannya. Ekoran itu, SP2 membuat laporan polis dan responden dipertuduh di Mahkamah
F Majistret kerana melakukan ugutan jenayah dengan mengancam hendak mendatangkan cedera dan menyebabkan kebinasaan harta, satu kesalahan di bawah s. 506 Kanun Keseksaan. Kes pendakwaan berpaksi pada keterangan saksi-saksi mata iaitu SP2 sendiri, anaknya ('SP3') dan rakannya ('SP4') yang berada di tempat kejadian dan mengecamkan responden. Keterangan mereka
G disokong oleh siasatan pegawai polis yang menjumpai cecair yang masih berbaki di dalam botol dan mengesahkan ada bau minyak petrol di tempat kejadian. Berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie* bahawa responden berada di tempat kejadian dan, antara lain, telah menyimbah minyak petrol, Majistret memanggil responden membela
H diri. Pembelaan responden berbentuk alibi dan penafian. Menurut responden, dia langsung tidak berada di tempat kejadian pada masa-masa yang dinyatakan oleh pihak pendakwaan. Pembelaan responden disokong oleh isterinya ('DW3'') dan saudaranya ('SD3'). Majistret memutuskan bahawa pembelaan responden munasabah, logik, boleh dipercayai dan
I berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Pada penutup perbicaraan, responden dilepaskan dan dibebaskan. Maka timbul rayuan ini oleh pihak pendakwaan. Isu yang timbul adalah sama ada responden terbukti mengugut SP2 dan berniat mengancam SP2 dengan ugutan tersebut.

**Diputuskan (membenarkan rayuan pendakwaan; mengetepikan keputusan Mahkamah Majistret):**

**(1)** Kesan ugutan iaitu sama ada benar-benar boleh mendatangkan bencana kepada SP2 adalah tidak material. Satu pengiktirafan kehakiman boleh diambil bahawa tindakan responden menyimbah minyak petrol di kawasan rumah boleh mengakibatkan bencana pada tubuh badan SP2 dan ahli keluarganya serta rumah mereka kerana ini boleh menyebabkan kebakaran yang boleh meragut nyawa dan mendatangkan kemusnahan pada kenderaan dan rumah SP2. Kehadiran responden cukup untuk menimbulkan ketakutan dan kegusaran pada SP2 sekaligus memberi satu mesej ugutan yang dia akan sentiasa memberi ugutan. Ini menyebabkan SP2 membuat laporan polis. Sesiapa dalam keadaan sedemikian akan rasa terancam, takut dan trauma dan keterangan ini menunjukkan niat jahat ketara responden. (perenggan 7, 23, 30 & 31)

**(2)** Majistret tersalah arah dalam memutuskan bahawa pembelaan responden berjaya menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan. Setelah membuat dapatan fakta bahawa responden berada di tempat kejadian dan antara lain, menyimbah minyak petrol, Majistret telah membuat dapatan sebaliknya iaitu responden tidak langsung berada di tempat kejadian pada masa-masa yang dinyatakan oleh saksi-saksi pendakwaan kerana beliau percaya dengan pembelaan alibi responden. Majistret tidak menerangkan secara terperinci apa yang dinilai untuk mencapai dapatan beliau tetapi sekadar menyatakan pembelaan alibi responden munasabah, logik dan boleh dipercayai. (perenggan 33 & 35)

**(3)** Majistret percaya dengan keterangan pembelaan alibi responden kerana disokong oleh keterangan DW2 dan SD3. Beliau gagal mengambil kira bahawa mereka berpotensi memberi keterangan memihak pada responden atas sebab pertalian mereka dengan responden. Tambahan lagi, tiada apa-apa keterangan dokumentar atau keterangan sokongan bebas yang dikemukakan untuk menyokong pembelaan alibi sedangkan beban ini terletak pada responden. Pembelaan alibi responden gagal menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan. (perenggan 39 & 45)

**(4)** Keputusan Majistret diketepikan dan digantikan dengan sabitan dan hukuman penjara dua tahun enam bulan dan denda sebanyak RM6,000; jika gagal dua tahun penjara. Namun hukuman digantung sementara proses rayuan. Responden dilepaskan sementara dengan jaminan sebanyak RM15,000 sementara menunggu rayuan ke Mahkamah Rayuan. (perenggan 58 & 59)

A **Kes-kes yang dirujuk:**
*Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC* ***(dirujuk)***
*Dorai Pandian Munian & Anor v. PP [2012] 10 CLJ 22 CA* ***(dirujuk)***
*Lee Yoke Choong v. PP [1964] 1 LNS 82 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC* ***(dirujuk)***
B *PP v. Zainal Ariffin Abu Bakar [2007] 7 CLJ 644 HC* ***(dirujuk)***
*R v. Ball (1951) 35 CR App R 164* ***(dirujuk)***
*Sinnasamy Kaliappan v. PP [2005] 1 LNS 293 HC* ***(dirujuk)***
*Vasan Singh v. PP [1989] 2 CLJ 402; [1989] 1 CLJ (Rep) 166 SC* ***(dirujuk)***
*Zainuddin Mahmud v. PP [2010] 2 CLJ 512 HC* ***(dirujuk)***

C **Perundangan yang dirujuk:**
Evidence Act 1950, s. 103
Penal Code, s. 506

*Bagi pihak perayu - Wan Azimah Wan Yaacob; TPR*
*Bagi pihak responden - Fazlan Mohd Noor; T/n Fazlan Allaudin & Izasuhana*

D *Dilaporkan oleh Najib Tamby*

## PENGHAKIMAN

**Ahmad Bache PK:**

E **Pendahuluan**

**[1]** Responden telah dituduh di bawah s. 506 Kanun Keseksaan (melakukan ugutan jenayah) sepertimana pertuduhan di Mahkamah Majistret. Setelah pembelaan dipanggil, Majistret yang bijaksana telah melepas dan membebaskan responden. Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati dengan
F keputusan tersebut telah seterusnya memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

**[2]** Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak dan meneliti rekod rayuan, mahkamah ini telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan mengetepikan keputusan Mahkamah Majistret dan menggantikan dengan
G keputusan bahawa responden disabitkan dan dihukum penjara selama dua tahun enam bulan mulai tarikh jatuh hukum dan denda sebanyak RM6,000 jika tidak bayar dua tahun penjara. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Ini merupakan alasan penghakiman tersebut.

H **Pertuduhan**

**[3]** Tertuduh telah dipertuduhkan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 02/10/2012 jam antara 5.15 pagi hingga 8.20 malam di alamat Lot 890 Kg Jelutong, Pendek, di dalam daerah Kota Bharu,
I dalam Negeri Kelantan telah melakukan ugutan jenayah dengan mengancam hendak mendatangkan cedera dan menyebabkan kebinasaan harta kepada Azmi bin Hassan (KP 661113-03-5241). Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

**Intipati Pertuduhan**

**[4]** Intipati pertuduhan adalah seperti berikut:

(i) OKT mengugut mana-mana orang;

(ii) ugutan adalah untuk mendatangkan bencana kepada tubuh, nama baik atau harta orang itu; dan

(iii) OKT berbuat demikian dengan niat hendak menyebabkan kegentaran kepada orang itu.

**[5]** Ini disahkan di dalam kes *Zainuddin Mahmud v. PP* [2010] 2 CLJ 512 yang mengguna pakai kes-kes tersohor sebelum ini iaitu *Sinnasamy Kaliappan v. PP* [2005] 1 LNS 293 dan juga *Lee Yoke Choong v. PP* [1964] 1 LNS 82.

**[6]** Di dalam kes *Lee Yoke Choon v. PP* (*supra*), mahkamah menyatakan "among the mitigating factors put forward, *inter alia*, that the complainant was not in fact frightened and the accused never threatened to carry out the threat personally". To this Ong J said:

> I consider all these grounds are beside the point. The offence of criminal intimidation lies in the intent behind a threat, not its effect.

**[7]** Di dalam erti kata lain apa yang dimaksudkan ialah apa yang perlu dibuktikan adalah tertuduh mengugut mana-mana orang dan berniat untuk mengancam mangsa dengan ugutan tersebut. Kesan ugutan sama ada benar-benar boleh mendatangkan bencana kepada mangsa adalah tidak material.

**Fakta Kes (Berdasarkan Keterangan-keterangan Yang Terkumpul)**

**[8]** Pada 2 Oktober 2012 mengikut pengadu, responden dilihat berada di kawasan rumah pengadu (SP2) dan keluarga pada lebih kurang pukul 5.15 pagi (kejadian pertama) sambil mencurahkan minyak petrol di bawah motorvan Nissan Vannette milik SP2 bernombor pendaftaran DR7210 dan ke bawah rumah SP2 serta di sekitar halaman rumahnya. Pengadu telah membuat laporan polis mengenainya iaitu P7 yang diambil oleh anggota polis ketika mereka berada di rumah SP2 semasa polis membuat siasatan.

**[9]** Responden mengulangi perbuatan ugutan jenayahnya untuk kali kedua apabila dilihat berada di kawasan tersebut (kejadian kedua) pada pukul 10 pagi oleh pengadu dan anaknya SP3 pada hari yang sama dengan menaiki kereta Kancil hitam bernombor pendaftaran DAG 3466. Pada 12 tengah hari hari yang sama, responden telah datang sekali lagi ke rumah pengadu buat kali ketiga (kejadian ketiga) dan telah dilihat keluar dari kenderaan yang sama dipandunya sebelum ini iaitu DAG 3466 oleh kawan pengadu SP4, yang menjaga rumah itu atas permintaan pengadu kerana pengadu ketika itu telah pergi ke balai polis untuk membuat laporan polis. Responden dilihat keluar dari kenderaan tersebut oleh SP4 dan menghala ke rumah pengadu dengan membawa sebotol minuman Pepsi yang mengandungi cecair berwarna kuning. Pengadu membuat laporan polis (P8) untuk kejadian kedua dan ketiga ini.

**[10]** Pada hari yang sama jam lebih kurang 8.20 malam ketika pengadu dan SP3 (anak) sedang mengawal rumah, responden telah datang ke rumah pengadu sekali lagi (kejadian keempat) sambil tangan kiri responden membawa sebotol minyak dan tangan kanan membawa pedang panjang dan melibas ke arah SP2 sewaktu mereka bertembung, dan pengadu (SP2) melibas semula dengan parangnya. Responden seterusnya melarikan diri di dalam gelap. Pengadu membuat laporan polis seperti di P10 bagi kejadian keempat ini.

**Dapatan Mahkamah Majistret**

**[11]** Majistret yang bijaksana telah memutuskan bahawa setelah melakukan "maksimun evaluation" terhadap kes pendakwa, beliau dapati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap responden dan responden diperintah untuk membela diri.

**[12]** Bagi elemen pertama iaitu OKT mengugut mana-mana orang, Majistret yang bijaksana telah membuat dapatan fakta bahawa elemen ini telah berjaya dibuktikan, sebagaimana di ms. 18 dan 19 seperti berikut:

> Mahkamah menyatakan demikian kerana berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan didapati bahawa OKT adalah orang yang melakukan perbuatan ugutan tersebut. Keterangan Pengadu SP2 jelas menunjukkan bahawa beliau kenal dan mengecam bahawa orang yang melakukan perbuatan menyimbah minyak petrol yang mana tidak pernah dipertikaikan adalah Wan Halim (OKT) di dalam kes ini. Keterangan beliau pula disokong oleh SP3 dan SP4 yang juga mengecam lelaki yang datang ke rumah Pengadu adalah sebagai Wan Halim. SP3 mengecam dan kenal OKT ketika OKT datang ke rumah Pengadu pada waktu malam dan berlaku adegan libas melibas senjata yang menyerupai pedang kerana pada masa itu OKT memakai topi keledar yang tidak berpenutup di bahagian muka. SP4 pula mengecam OKT berdasarkan kepada kenderaan yang dinaiki dan juga deskripsi wajah dan tubuh badan OKT semasa beliau lihat ketika datang ke rumah Pengadu ketika mana Pengadu berada di balai polis untuk membuat report. Kesemua saksi ini mengecam OKT apabila ditunjukkan ketika OKT berada di kandang tertuduh.

**[13]** Mahkamah ini membuat inferens bahawa Majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa pengadu (SP2), SP3 dan SP4 adalah saksi-saksi yang kredibel. Sebab itu beliau membuat dapatan fakta seperti di atas. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan ini apatah lagi mereka adalah saksi mata yang melihat sendiri kejadian.

**[14]** Bagi elemen kedua pula iaitu ugutan adalah untuk mendatangkan bencana kepada tubuh, nama baik atau harta orang itu, Majistret yang bijaksana telah membuat dapatan fakta berikut seperti di ms. 19 perenggan akhir sehingga ms. 20 rekod rayuan:

Intipati seterusnya adalah perbuatan yang dilakukan oleh OKT iaitu menyimbah minyak petrol adalah satu perbuatan yang boleh mengakibatkan berlakunya bencana kepada tubuh badan dan harta benda Pengadu di dalam kes ini kerana ia boleh menyebabkan kebakaran dan juga kemusnahan kepada rumah, kenderaan dan diri Pengadu sendiri. Kewujudan botol-botol dan tong-tong minyak yang ditandakan sebagai P3, P4, P5 dan P6 menguatkan lagi keterangan saksi-saksi ini.

**[15]** Bagi intipati ketiga, iaitu perbuatan yang dilakukan oleh OKT telah dibuat dengan niat hendak menyebabkan kegentaran kepada orang itu, Majistret yang bijaksana membuat dapatan fakta seperti berikut di ms. 20 rekod rayuan:

Seterusnya perbuatan yang dilakukan oleh OKT telah menyebabkan berlakunya kegentaran dan ketakutan kepada Pengadu. Sudah tentu di dalam kes ini OKT mempunyai niat untuk menyebabkan ketakutan dan kegentaran kepada Pengadu dan keluarga beliau.

**[16]** Di peringkat kes pembelaan, responden telah mengemukakan pembelaan alibi iaitu beliau tidak berada di tempat kejadian pada waktu-waktu berkenaan dan seterusnya menafikan segala pertuduhan terhadap beliau sepertimana yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Berikut adalah antara dapatan Majistret yang bijaksana mengenai pembelaan responden seperti di ms. 27 rekod rayuan:

1. Keterangan OKT adalah satu keterangan yang munasabah, logik dan boleh dipercayai. Ia bukan penafian semata-mata kerana ia telah dimasukkan di dalam alibi dan telah ditimbulkan di peringkat pembelaan lagi. Keraguan berjaya ditimbulkan oleh pihak pembelaan berkenaan tempat OKT berada dan tindakan yang dibuat oleh OKT pada masa dan tarikh kejadian sepertimana yang dinyatakan di dalam pertuduhan. Mahkamah mendapati pembelaan alibi OKT juga adalah berasas dan bermerit.

2. Keterangan OKT juga ada sokongan daripada SD2 dan SD3. Keterangan SD2 dan SD3 adalah logik, munasabah dan boleh dipakai. Keterangan semua saksi ini adalah konsisten dan tidak bercanggah antara satu sama lain.

3. Mahkamah melihat kepada demeanour OKT dan saksi-saksi pembelaan semasa memberikan keterangan dan mahkamah dapat kesemua saksi ini adalah kredibel dan boleh dipercayai.

**[17]** Di akhir kes pembelaan Majistret bijaksana telah memutuskan untuk melepas dan membebaskan responden daripada pertuduhan kerana mendapati bahawa pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

A **Dapatan Mahkamah Ini**

**[18]** Mahkamah ini telah meneliti dengan terperinci rekod rayuan dan keterangan saksi-saksi serta hujahan kedua-dua pihak. Mahkamah ini mengambil maklum bahawa sebagai mahkamah bidang kuasa rayuan mahkamah tidak sepatutnya mengganggu dapatan hakim bicara/Majistret
B melainkan dapatan fakta tersebut adalah bertentangan dengan keterangan yang ada atau hakim atau Majistret telah tersalah arah.

*Prima Facie*

**[19]** Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan Majistret yang bijaksana
C bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan apabila Pendakwa Raya telah berjaya membuktikan semua intipati pertuduhan. Sehubungan dengan itu, mahkamah bersetuju dengan dapatan fakta Majistret yang bijaksana bahawa intipati pertama iaitu responden mengugut pengadu/mangsa telah berjaya dibuktikan oleh Pendakwa Raya.

D **[20]** Sebagai menyokong kepada dapatan fakta tersebut, mahkamah ini merujuk kepada keterangan pengadu/SP2 di ms. 41 dan 42 rekod rayuan bagi kejadian pertama pada pukul 5.15 pagi seperti berikut:

i. Pada masa kejadian, saya sedang tidur di ruang tamu rumah saya 4 beranak, saya dengar bunyi ayam. Lepas itu, terjaga dari tidur.
E Lepas itu dalam 5.15 am, ada bunyi ayam terbang macam terkejut. Lepas itu saya tengok melalui tingkap, saya tengok suspek sedang tuang sesuatu dari botol mineral ke bawah van, bangsa Melayu umur dalam 40an, tubuh tegak, rambut depan jarang dan kulit sawo matang. Saya hidu bau petrol. Apabila dia nampak, dia terkejut dan
F lari. Lari dalam kegelapan. Pada masa itu, saya naik di atas rumah. Saya turun tengok, saya tengok ada tong minyak petrol yang 4 liter 2 botol dan 1 1/2 liter 2 botol.

ii. Lampu rumah saya pada malam saya tidak pernah tutup, keadaan cerah. Sebelah kanan rumah juga tidak tutup. Saya tidur pula di ruang tamu. Hanya sedepa lebih sahaja dengan tingkap. Saya tidur
G di tepi tingkap. Saya tengok dengan jelas orang itu.

iii. Saya kenal orang itu, orang kampong panggil dia Halim.

iv. Sebelum kejadian saya kerana setiap kali ke kebun, saya lalui depan rumah dia sebagai jalan pintas. Dia juga pelihara lembu.

H v. Nama penuh Halim ialah Wan Halim bin Wan Hassan. Dia ada di Mahkamah pada hari ini. Saya cam dia di dalam kandang OKT.

**[21]** Perlu ditekankan di sini bahawa keterangan menunjukkan pengadu telah mengenali responden sebelum ini seperti keterangan di atas. Justeru itu isu pengecaman tidak timbul.

I

**[22]** Berikut adalah keterangan pengadu (SP2) berkaitan kejadian kedua mengenai intipati pertama seperti di ms. 47 dan 48 rekod rayuan seperti berikut:

> 17. Jam 10.00 pagi pada 2/10/2012 saya sedang cuci rumah dengan anak saya nama Rozmi. Saya nampak saspek lalu depan rumah saya. Ada 2 buah kereta. Saspek naik kereta Perodua Kancil. Dia bersama kawan dia yang naik kereta Proton Saga buruk warna yang lain kehitaman. Saya tidak kenal kawan dia. Ada dua orang di dalam kereta, saya tidak ingat nombor plate. Kawan dia itu lelaki tapi saya tidak kenal. Halim naik kereta kancil warna hitam DAG 3466.
>
> 18. Saya tidak kenal 2 orang kawan Halim sebab saya tidak pernah tengok mereka. Halim ini saya pernah tengok sebab itu saya kenal dia. Kereta dia pun saya kenal dan cam. Dia nak berhenti tapi sebab saya ada, dia tidak jadi berhenti. Dia hanya lalu sahaja. Saya tengok dia perlahankan kereta dia. Saya rasa dia nak berhenti tapi tidak jadi.
>
> 19. Dalam kereta kancil itu hanya ada Halim seorang sahaja.
>
> 20. Anak saya juga nampak sebab dia sedang cuci minyak dengan saya. Anak saya juga kenal dan cam Halim ini. Anak saya ada hadir ke Mahkamah pada hari ini.
>
> 21. Saya camkan baju Halim warna biru gelap. Baju sama yang dipakai pada pukul 5.00 pagi masa kejadian.

**[23]** Mahkamah ini berpendapat kehadiran responden di tempat itu adalah mencukupi untuk menimbulkan ketakutan dan kegusaran kepada SP2, sekaligus memberi satu mesej ugutan yang beliau akan sentiasa memberi ugutan yang ekoran daripada itu, pengadu membuat laporan polis seterusnya.

**[24]** Berikut adalah keterangan pengadu (SP2) berkaitan kejadian ketiga mengenai intipati pertama sepertimana di dalam rekod rayuan di ms. 48 dan 49 seperti berikut:

> 22. Lepas saya cuci minyak, saya pergi ke Balai Polis Kota Bharu untuk buat report. Saya ke Balai Polis Kota Bharu dekat jam 11.00 lebih untuk buat report.
>
> 23. Lepas itu saya rasa tidak sedap hati dan saya minta tolong kawan saya nama Zul untuk jaga rumah saya. Zul ini orang Pasir Tumboh. Lepas itu Zul telefon saya lebih kurang jam 12.00 lebih beritahu ada orang datang bawa minyak nak bakar rumah saya. Dia tidak kenal siapa. Dia beritahu, naik kereta kancil warna hitam nombor DAG 3466. Dia hanya datang seorang sahaja yang turun kereta. Itu yang Zul beritahu.
>
> 24. Orang itu lari setelah lihat Zul berada di rumah. Itu yang Zul beritahu saya dalam telefon. Dia cerita semula setelah saya ke rumah. Ini berlaku pada hari yang sama.

**[25]** Di perenggan 26 dan 27 di ms. 49 rekod rayuan, pengadu menyatakan:

> 26. Masa buat report, anak saya Ruzami ada bersama saya. Rumah saya pada masa itu, tidak ada orang, kosong. Sebab itu saya minta Zul jagakan.
>
> 27. Pada tarikh yang sama, ada polis datang berderet-deret.

**[26]** Keterangan pengadu (SP2) mengenai kejadian ketiga ini disokong oleh SP4, kawan pengadu yang tolong menjaga rumah pengadu semasa kejadian ketiga berlaku sekaligus mengesahkan kejadian ketiga sepertimana keterangan SP4 di ms. 89 hingga 91 seperti berikut:

> 6. Masa Azmi call saya, dia beritahu ada di Balai Polis K. Bharu.
>
> 7. Setibanya di rumah Azmi, saya keluar kereta, saya tengok rumah Azmi semua tertutup. Saya masuk semula dalam kereta. Saya call Azmi semula, saya tanya dia berada di mana. Dia kata masih di balai. Saya beritahu dia, saya tunggu rumah. Saya berada di dalam kereta yang saya letak bawah pokok kayu mengadap porch rumah dia.
>
> 8. Masa menunggu, saya relaks dalam kereta. Saya tidak tidur.
>
> 9. Saya tunggu di rumah dia, saya duduk dalam kereta lebih kurang 10 minit. Saya tengok kelibat manusia pakai baju hitam belang putih. Saya keluar dari kereta. Jarak saya dengan dia lebih kurang 15 meter. Saya nampak jelas orang lelaki. Penglihatan saya jelas. Saya tidak kenal lelaki itu. Dia berbadan besar, kulit sawo matang dan rambut dia nak jarang sedikit. Jika tengok saya cam. Jika tidak silap saya orang dalam kandang OKT adalah dia.
>
> Mahkamah : OKT dicamkan
>
> 10. Dia ke arah menghala ke rumah Azmi. Tujuan saya tidak pasti. Saya lihat sebelah tangan dia ada botol air Pepsi kandungan dia warna kuning. Saya tanya dia "gapo dio", lepas itu dia terus beredar. Dia naik kereta.
>
> 11. Dalam botol Pepsi nampak macam air warna kuning. Saya tidak syak apa-apa. Dia tidak ada cakap apa-apa.
>
> 12. Saya cam kereta dia. Kereta kancil warna hitam. No plate DAG 3466 tidak silap saya. Saya tidak pernah tengok kereta sebelum ini. Saya ingat nombor dia.
>
> 13. Selepas itu, saya call Azmi, saya beritahu ada orang mari rumah dia, saya cerita orang badan tegak, baju, no. kereta, warna kulit dan rambut dia. Azmi kata, suruh tunggu rumah dia sementara dia balik, masa itu Azmi ada di balai polis.
>
> 14. Pada masa itu lebih kurang pukul 12.00 lebih tengahari.

**[27]** Berikut adalah keterangan pengadu (SP2) berkaitan kejadian keempat mengenai intipati pertama sepertimana di ms. 51 (perenggan akhir) dan 52 rekod rayuan seperti berikut:

> Lepas itu lebih kurang jam 8.20 pm, dia datang lagi. Dia bawa minyak sebelah tangan dan sebelah tangan ada senjata macam pedang. Saya pasti sebab saya suluh, saya pakai lampu kepala. Rumah saya juga ada lampu warna putih. Saya tidak matikan lampu di kawasan hadapan rumah saya. Masa saya jaga, saya sembunyi di hadapan rumah. Van saya masih ada di hadapan rumah. OKT pakai topi keledar warna merah, ada cermin tapi dibuka cermin. Baju warna gelap. Saya dan anak saya pasti dia, hari pakai lampu di kepala. Bukan lampu suluh tapi lampu caj. Masa saya suluh itu saya berada di hadapan rumah, dia tidak nampak saya sebab saya bersembunyi. Keadaan dalam rumah adalah cerah. Ada lampu yang dibuka. Lampu warna putih yang ada di rumah 4 beradik, saya, isteri dan 2 orang anak.

**[28]** Keterangan-keterangan pengadu ini mengenai kejadian keempat disokong oleh SP3, iaitu anaknya.

**[29]** Dari keterangan-keterangan saksi-saksi di atas, mahkamah ini berpuas hati bahawa Majistret yang bijaksana telah membuat dapatan fakta yang betul. Mahkamah ini bersetuju bahawa SP2, SP3 dan SP4 iaitu saksi-saksi mata adalah saksi-saksi yang kredibel kerana keterangan mereka bukan sahaja konsisten, logik dan amat probabel malahan saling menyokong sesama mereka. Keterangan-keterangan mereka turut disokong oleh laporan-laporan polis (P7, P8, P10), P4, P5, P6 serta fakta kes ini sendiri. Selain daripada itu, keterangan saksi-saksi tersebut disokong oleh saksi bebas iaitu anggota polis iaitu SP6 dan SP7 yang telah melihat sendiri tempat kejadian di mana antara lain ianya berbau minyak petrol dan terdapat juga cecair yang masih berbaki di dalam botol.

**[30]** Mengenai intipati kedua iaitu ugutan untuk mendatangkan bencana dll, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan fakta Majistret bahawa intipati ini telah berjaya dibuktikan oleh Pendakwa Raya. Mahkamah ini mengambil 'judicial notice' bahawa tindakan responden menyimbah minyak petrol di kawasan rumah tersebut boleh mengakibatkan bencana kepada tubuh badan pengadu dan ahli keluarga dan rumah mereka kerana ianya boleh mengakibatkan kebakaran yang boleh meragut nyawa pengadu dan ahli keluarga dan juga mendatangkan kemusnahan kepada rumah dan kenderaan motorvan pengadu. Dengan sekelip mata sahaja satu percikan api boleh mengakibatkan rumah tersebut terbakar dan seterusnya mengancam nyawa pengadu dan keluarganya.

**[31]** Mengenai intipati ketiga iaitu responden berbuat demikian dengan niat untuk membuat kegentaran kepada pengadu, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan Majistret yang bijaksana bahawa intipati ini juga telah berjaya dibuktikan. Mahkamah boleh membuat satu inferens malahan hukum akal akan mengesahkan bahawa sesiapa di dalam keadaan sedemikian akan berasa

takut, trauma dan berasa dirinya terancam dan keterangan ini dengan jelas menunjukkan niat jahat ketara responden. Keterangan pengadu di ms. 51 pada perenggan 34 rekod rayuan seperti berikut adalah relevan:

> (34) Pada tarikh yang sama, lepas kejadian ketiga dan dalam trauma sebab saya, isteri, anak saya dan harta benda saya terancam. Ada kemungkinan dia bakar rumah saya sebab dia dah curahkan minyak. Rumah saya rumah kayu dan saya juga dah masukkan RM70 dalam van saya (maksudnya petrol).

*Kes Pembelaan*

**[32]** Perlu diulangi di sini di peringkat kes pembelaan, Majistret yang bijaksana telah memutuskan bahawa mahkamah percaya dengan keterangan responden dan saksi-saksinya.

**[33]** Setelah meneliti dapatan fakta Majistret yang bijaksana mengenai kes pembelaan dan setelah membandingkan dengan kes pendakwaan, mahkamah ini tidak bersetuju dengan dapatan Majistret yang mendapati pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan kerana Majistret yang bijaksana telah tersalah arah di dalam mencapai keputusan tersebut. Ini adalah kerana setelah membuat dapatan fakta bahawa respondenlah orang yang berada di tempat kejadian dan melakukan penyimbahan minyak petrol tersebut dan lain-lain di peringkat kes pendakwaan, kini Majistret yang bijaksana membuat dapatan fakta sebaliknya, iaitu bahawa responden tidak langsung berada di tempat kejadian di tempoh-tempoh masa seperti keterangan saksi-saksi pendakwaan, kerana beliau percaya dengan pembelaan alibi responden.

**[34]** Ke arah itu, mahkamah ini ingin merujuk kepada alasan penghakiman Majistret di ms. 27 dan 28 rekod rayuan yang mana beliau membuat dapatan fakta seperti berikut:

> (1) Keterangan OKT adalah satu keterangan yang munasabah, logik dan boleh dipercayai. Ia bukan pernafian semata-mata kerana ia telah dimasukkan di dalam alibi dan telah ditimbulkan di peringkat pembelaan lagi. Keraguan berjaya ditimbulkan oleh pihak pembelaan berkenaan tempat OKT berada dan tindakan yang dibuat oleh OKT pada masa dan tarikh kejadian sepertimana yang dinyatakan di dalam pertuduhan. Mahkamah mendapati pembelaan alibi OKT juga adalah berasas dan bermerit.
>
> (2) Keterangan OKT juga ada sokongan daripada SD2 dan SD3. Keterangan SD2 dan SD3 adalah logik, munasabah dan boleh dipakai. Keterangan semua saksi ini adalah konsisten dan tidak bercanggah antara satu sama lain.
>
> (3) Mahkamah melihat kepada demeanour OKT dan saksi-saksi pembelaan semasa memberikan keterangan dan mahkamah dapati kesemua saksi ini adalah kredibel dan boleh dipercayai.

(4) Keterangan SD2 yang dikemukakan oleh OKT menyokong alibi OKT kerana SD2 menyatakan bahawa beliau mengetahui di mana lokasi OKT dan apa yang OKT buat pada tarikh dan masa yang dinyatakan di dalam pertuduhan. Begitu juga keterangan SD3 yang menyokong keterangan SD2 dan juga pembelaan alibi yang dikemukakan oleh OKT.

**[35]** Menghalusi dapatan fakta Majistret yang bijaksana tersebut, mahkamah dapati bahawa beliau tidak menerangkan secara terperinci apa yang dinilaikan dan diasaskan untuk mencapai dapatan sedemikian, tetapi hanya menyatakan pembelaan alibi tersebut adalah satu keterangan yang munasabah, logik dan boleh dipercayai. Ini adalah satu kesilapan yang serius yang memerlukan "intervention" daripada mahkamah ini. Sewajarnya beliau sepatutnya memberi alasan kenapa beliau membuat dapatan fakta sedemikian dengan cara membuat skrutini dan membuat analisa terhadap pembelaan responden, apatah lagi beliau sebelum ini di peringkat kes pendakwaan, telah membuat dapatan fakta bahawa responden telah berada di tempat kejadian dan melakukan perbuatan-perbuatan sepertimana diterangkan oleh pengadu dan disokong oleh SP3 dan SP4, iaitu mencurahkan minyak petrol di tempat kejadian dan lain-lain.

**[36]** Perlu ditekankan di sini bahawa responden di dalam keterangannya menyatakan bahawa kereta kancil No DAG 3466 adalah kepunyaan isterinya dan dia memang membawa kereta itu untuk hantar anak ke sekolah (lihat ms. 151 rekod rayuan). Kereta inilah yang didakwa oleh pengadu (SP2) dan disokong oleh SP3 dan SP4 telah berada di tempat kejadian pada masa-masa yang dimaksudkan yang mana SP3 dan SP4 melihat kereta tersebut dipandu oleh responden sendiri. Isteri responden (DW2) sendiri mengaku semasa disoal balas bahawa pada tarikh kejadian responden menggunakan kereta Kancil ini manakala DW2 mengguna kereta Grand Livina DBS 9636 (lihat ms. 195 rekod rayuan). Justeru itu fakta mengenai kereta ini adalah amat relevan kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan responden dan pertuduhan yang dihadapinya. Majistret yang bijaksana telah tersalah arah kerana tidak menyentuh langsung tentang kewujudan kereta ini di tempat kejadian dan tidak memadankan keterangan tentang kereta ini dengan keterangan responden bahawa beliau tidak berada di tempat kejadian tetapi berada di tempat lain di masa-masa berkenaan.

**[37]** Majistret yang bijaksana juga gagal mempertimbangkan bahawa di dalam pembelaan alibi, beban untuk membuktikan bahawa responden/tertuduh tidak berada di tempat kejadian terletak ke atas responden/tertuduh.

**[38]** Seksyen 103 Akta Keterangan berbunyi:

103. Burden of proof as to particular fact.

The burden of proof as to any particular fact lies on that person who wishes the court to believe in its existence, unless it is provided by any law that the proof of that fact shall lie on any particular person.

A

Illustrations

(b) B. Wishes the court to believe that at the time in question he was elsewhere. He must prove it.

**[39]** Di dalam kes ini Majistret yang bijaksana percaya secara 'wholesome' keterangan pembelaan alibi responden kerana ianya disokong oleh keterangan DW2 iaitu isterinya dan SD3 iaitu saudaranya yang tinggal bersamanya dan juga selaku pekerjanya. Di dalam hal ini pula, Majistret yang bijaksana gagal mengambil kira bahawa mereka ini berpotensi memberi keterangan yang memihak kepada responden di atas sebab pertalian mereka dengan responden. Tambahan lagi tiada apa-apa keterangan dokumentar atau keterangan sokongan bebas yang dikemukakan oleh pembelaan untuk menyokong keterangan pembelaan alibi mereka sedangkan beban terletak kepada pihak responden. Sesiapa pun boleh datang ke mahkamah dan menyatakan seseorang tertuduh berada bersamanya dan tidak berada di tempat kejadian.

**[40]** Di dalam kes *Dorai Pandian Munian & Anor v. PP* [2012] 10 CLJ 22; [2009] 4 MLJ 525 Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada kes *Vasan Singh v. PP* [1989] 2 CLJ 402; [1989] 1 CLJ (Rep) 166, iaitu sama ada pembelaan adalah alibi atau 'bare denial' seperti berikut:

> It is obvious, however, that an alibi defence will not be a simple statement of: 'I did not do it. I was not there. I was elsewhere'. That would be evidence of a bare denial. To establish his alibi, the accused must disclose where he was at the time of the alleged offence and what he was doing. He could be travelling at the time and the only evidence he has is a ticket or an endorsement on his passport or, as here, he was in bed. That would be evidence in support of his alibi.

**[41]** Di dalam kes *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; [1983] 2 MLJ 232, Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada satu kes dari India yang memutuskan:

> alibi evidence should be scrutinised very carefully, for it is easy to set up an alibi and not always easy to prove it and it must be definitely proved in order to suffice for the rebuttal of a case made by the prosecution.

**[42]** Di dalam kes *PP v. Zainal Ariffin Abu Bakar* [2007] 7 CLJ 644; [2007] 3 MLJ 487, pembelaan OKT secara ringkasnya ialah beliau tidak pergi mana-mana pada 14 Disember 2001, kerana beliau sedang mengecat rumah sebagai persediaan Hari Raya Aidilfitri. OKT memanggil dua orang saksi iaitu kedua-dua ibu bapanya yang mengesahkan bahawa OKT berada di rumah pada tarikh itu. Mahkamah melihat pembelaan OKT sebagai penafian sahaja dan bukannya pembelaan alibi.

**[43]** Seperkara lagi mahkamah mendapati di dalam kes ini responden dalam pembelaannya tidak menyangkal bahawa kereta DAG 3466 berada di tempat kejadian. Kegagalan ini sekaligus mengesahkan bahawa responden memang berada di tempat kejadian untuk keempat-empat kejadian tersebut.

**[44]** Tambahan pula, responden juga tidak kemukakan keterangan bahawa kereta tersebut berada di tempat lain ketika berlakunya keempat-empat kejadian tersebut sedangkan beban pembuktian terletak di atasnya.

**[45]** Kesimpulannya, mahkamah ini memutuskan bahawa pembelaan alibi adalah tidak berjaya dan seterusnya gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

**[46]** Mahkamah telah meneliti sekali lagi keterangan pihak pembelaan setelah pembelaan alibi responden tidak berjaya. Mahkamah mendapati apa yang tinggal bagi pembelaan responden apabila dilihat secara totaliti merupakan penafian semata-mata. Justeru itu ianya gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

**[47]** Sehubungan dengan itu mahkamah ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya "beyond reasonable doubt" (melampaui keraguan munasabah).

**[48]** Responden didapati bersalah dan disabitkan. Dengan itu keputusan Majistret dengan ini diketepikan.

**Hukuman**

**[49]** Setelah meneliti rekod rayuan dan mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama dua tahun enam bulan mulai tarikh hukuman dan denda sebanyak RM6,000 jika tidak bayar dua tahun penjara.

*Alasan Mengenai Hukuman*

**[50]** Seksyen 506 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman yang dibahagikan kepada dua "limb" seperti berikut:

> 506. Seksaan bagi kesalahan menakutkan secara jenayah.
>
> Barang siapa melakukan kesalahan menakutkan secara jenayah hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya; dan jika ugutannya itu ialah ugutan hendak menyebabkan kematian atau cedera parah, atau hendak menyebabkan kebinasaan apa-apa harta dengan api, atau hendak menyebabkan sesuatu kesalahan yang boleh diseksa dengan bunuh atau penjara, atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau hendak mentomahkan seseorang perempuan sebagai jalang, maka ia hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

**[51]** Memandangkan keterangan menunjukkan ugutan tersebut adalah untuk mendatangkan kematian atau cedera parah kepada pengadu atau untuk menyebabkan kemusnahan harta dengan cara membakar, maka adalah jelas hukuman ini adalah terjatuh di bawah limb kedua iaitu hukuman maksima

A sebanyak tujuh tahun penjara atau dengan denda atau dengan kedua-duanya sekali. Justeru itu hukuman yang dijatuhkan adalah di dalam lingkungan yang dibenarkan undang-undang.

**[52]** Walaupun kesalahan ini merupakan kesalahan ugutan sahaja, namun medium ugutan yang digunakan tersebut adalah amat berbahaya iaitu dengan
B cara menaburkan minyak petrol di kawasan rumah mangsa dan juga di bawah kenderaan motorvan pengadu yang diletak di hadapan rumahnya. Bayangkan dengan hanya satu 'percikan' api sahaja boleh mengakibatkan satu kejadian katastrofik iaitu rumah pengadu mungkin terbakar diiringi dengan letupan yang boleh mengakibatkan kemalangan jiwa melibatkan pengadu dan seluruh
C keluarganya, di dalam beberapa saat sahaja.

**[53]** Di dalam menjatuhkan hukuman, mahkamah telah mematuhi prinsip-prinsip hukuman yang diamalkan sekarang. Menurut keputusan di dalam kes *R v. Ball* (1951) 35 CR App R 164 kepentingan awam adalah tunggak utama yang perlu diberi perhatian oleh mahkamah. Bahawa kepentingan awam
D perlu diutamakan melebihi kepentingan tertuduh juga disentuh di dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256 yang mana mahkamah berkata:

> Presidents and magistrates are often inclined quite naturally to be over-
E sympathetic to the accused. This is a normal psychological reaction to the situation in which the lonely accused is seen facing an array of witnesses with authority. The mitigation submitted by a convicted person will also normally bring up problems of family hardship and the other usual problems of living. In such a situation the courts might perhaps find it difficult to decide as to what sentence should be imposed so that the
F convicted person may not be further burdened with additional hardship. This in my view is a wrong approach. The correct approach is to strike a balance, as far as possible, between the interests of the public and the interests of the accused.

**[54]** Dalam erti kata lain kepentingan awam perlu diberi pertimbangan utama melebihi kepentingan perayu. Responden di dalam memohon
G hukuman ringan telah memohon kepada mahkamah supaya mengambil kira bahawa ini merupakan kesalahan pertama responden yang mempunyai enam orang anak yang mana lima orang anak masih bersekolah dan anak bongsu berumur dua tahun.

H **[55]** Setelah mengambil kira mitigasi responden yang mana lebih berbentuk peribadi dan diimbangkan dengan kepentingan awam, mahkamah mendapati bahawa kepentingan awam menghendakkan hukuman yang berbentuk deteran dan yang memberi pengajaran dikenakan terhadap responden memandangkan ini adalah kesalahan yang serius. Ini mewajarkan hukuman berbentuk "custodial" perlu diberikan.

I

**[56]** Mahkamah juga mengambil kira bahawa sebagai seorang profesional iaitu ahli farmasi berdaftar, beliau adalah seorang yang berpendidikan tinggi dan tidak sepatutnya melakukan kesalahan serius ini sebaliknya menghormati undang-undang negara.

**[57]** Dalam masa yang sama mahkamah juga mengambil kira bahawa responden mempunyai tanggungan iaitu mempunyai ramai anak yang memerlukan bimbingan dan belaian kasih sayang beliau sebagai bapa, selain daripada sebagai pencari nafkah untuk keluarga dan sebagai suami.

**[58]** Sehubungan dengan itu, setelah imbangan dibuat, mahkamah mendapati hukuman penjara yang terlalu lama adalah tidak sesuai di dalam keadaan ini. Dengan itu mahkamah mengenakan hukuman penjara selama dua tahun enam bulan mulai dari tarikh hukuman dan denda sebanyak RM6,000 jika tidak bayar dua tahun penjara.

**[59]** Peguam responden juga telah memohon supaya pelaksanaan hukuman digantungkan sementara membuat proses rayuan ke Mahkamah Rayuan. Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan permohonan tersebut dan responden dilepaskan sementara dengan jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu rayuan ke Mahkamah Rayuan.